



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

BAHASA MELAYU

TINGKATAN EMPAT



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

KANDUNGAN

Rukun Negara	i
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	ii
Kata Pengantar	iii
Pendahuluan	iv
Matlamat Objektif dan Organisasi Kurikulum	iv - vii
Penerangan tentang Huraian Sukatan Pelajaran	vii - ix
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Sistem Bahasa	x - xiv
Komponen Kesusasteraan Melayu	xiv
Pengisian Kurikulum	xiv - xvi
Huraian Sukatan Pelajaran	1 - 34

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut :

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Kata Pengantar

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.


Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberikan penekanan pada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran secara kontekstual, dan pembelajaran secara konstruktivisme. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberikan keyakinan kepada murid dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Huraian Sukatan Pelajaran ini menjelaskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid berasaskan pendekatan masteri. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit mengikut tahap kesukaran isi kandungan dan tahap keupayaan murid. Hasil pembelajaran diperingkatkan kepada tiga aras, iaitu Aras 1 (aras asas), Aras 2 (aras sederhana), dan Aras 3 (aras cemerlang).

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Empat menggariskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh pelajar. Pernyataan dalam Huraian Hasil Pembelajaran memberikan cabaran yang sesuai dengan pelajar pada tahap tertinggi dalam pendidikan sekolah menengah. Huraian ini seharusnya dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran yang disemak semula ini banyak pihak yang terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti, pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa, dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN)

Pengarah

Pusat Perkembangan Kurikulum

Kementerian Pendidikan Malaysia.

PENDAHULUAN

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. Pendidikan Bahasa Melayu mempunyai potensi untuk dimartabatkan dan diperluas ke peringkat antarabangsa menerusi teknologi maklumat dan komunikasi.

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah merangkumi tiga bidang penggunaan bahasa, iaitu Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat, dan Bidang Estetik. Penumpuan pada bidang-bidang ini membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian, bidang pekerjaan, dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Di samping itu, komponen kesusasteraan Melayu diharapkan dapat memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu juga memberikan pertimbangan terhadap pelbagai gaya pembelajaran, minat, dan kecerdasan yang berbeza antara satu sama lain di kalangan murid. Aktiviti kokurikulum yang dijalankan di luar waktu sekolah adalah penting sebagai sokongan untuk memantapkan huraian sukatan pelajaran.

Huraian Sukatan Pelajaran memberikan gambaran menyeluruh tentang kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah. Huraian Sukatan Pelajaran ini mengandungi Matlamat, Objektif, dan Organisasi Kandungan. Organisasi Kandungan merangkumi Penggunaan Bahasa, Kemahiran Bahasa, Aspek Bahasa, Hasil Pembelajaran, dan Pengisian Kurikulum yang dijelaskan dalam dokumen ini.

Terdapat lima dokumen sampingan yang dikenali sebagai Huraian Sukatan Pelajaran yang berfungsi sebagai panduan untuk guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Huraian Sukatan Pelajaran ini disediakan bagi setiap tingkatan, iaitu dari tingkatan empat hingga tingkatan lima.

MATLAMAT

Matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan.

OBJEKTIF MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH

Pada akhir sekolah menengah murid dapat:

- i. melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan, dan penulisan untuk menjalin serta mengeratkan hubungan, dan mengurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan;
- ii. mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton untuk memperoleh ilmu dan maklumat;
- iii. menggunakan maklumat yang diperoleh untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;
- iv. mendengar, membaca, menonton, dan memberikan respons kepada pelbagai bahan bacaan jenis maklumat dan bahan sastra;
- v. melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan jenis maklumat dan imaginatif secara kreatif dan berkesan; dan
- vi. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara.

OBJEKTIF MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU TINGKATAN EMPAT

Pada akhir tingkatan satu murid dapat:

- i. Berbicara dengan rakan mengenai hal peribadi, keluarga, jiran dan peristiwa menarik dengan menggunakan bahasa yang santun;
- ii. Berbincang dan mengemukakan idea yang bernas tentang sesuatu perkara untuk mencapai kata sepakat;
- iii. Berurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan dengan menggunakan ungkapan dan ayat yang sesuai;
- iv. Membaca dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan, mendengar dan menonton pelbagai bahan ilmu dan karya sastra untuk mengumpulkan maklumat.
- v. Menyusun maklumat berdasarkan topik atau masalah yang dikaji berserta alasan;
- vi. Menyampaikan maklumat berdasarkan kerangka penyampaian yang disediakan tentang sesuatu tajuk;.
- vii. Membaca karya ilmu dan sastra untuk keseronokan serta memberikan pandangan secara keseluruhan tentang karya tersebut;
- viii. Menghasilkan penulisan kreatif dengan menggunakan kata, istilah, frasa, ungkapan, dan ayat yang betul dan gramatis; dan
- ix. Menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara yang diperoleh daripada pengalaman pembelajaran di bilik darjah.

ORGANISASI KURIKULUM

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah ini mengandungi:

a. Penggunaan Bahasa

Penggunaan Bahasa merangkumi tiga bidang utama, iaitu Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat, dan Bidang Estetik. Bagi setiap bidang tersebut terdapat Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus yang perlu dikuasai oleh murid.

Penggunaan bahasa bagi Bidang Interpersonal membolehkan murid memulakan, membina, dan mengekalkan hubungan dengan rakan rapat atau dengan orang lain melalui perkongsian idea semasa berinteraksi sosial atau mengurus bagi tujuan komersial. Penggunaan bahasa bagi Bidang Maklumat membolehkan murid memperoleh dan menyampaikan maklumat serta ilmu kepada pihak tertentu. Penggunaan bahasa bagi Bidang Estetik membolehkan murid menikmati karya sastera, bercerita, melahirkan idea serta perasaan secara kreatif.

Bidang Interpersonal memberikan fokus pada kemahiran lisan iaitu, kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Namun begitu, kemahiran membaca, dan menulis perlu juga diterapkan di mana-mana yang sesuai contohnya membaca dan menulis surat untuk tujuan sosial. Bidang Maklumat dan Bidang Estetik pula memberikan fokus dan penekanan pada kemahiran membaca dan menulis di samping menerapkan kemahiran mendengar dan bertutur. Bidang Maklumat menekankan topik ilmu manakala Bidang Estetik lebih bertumpu pada topik imaginatif.

b. Kemahiran Bahasa

Kemahiran Bahasa meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran Bahasa ini merupakan teras kepada penguasaan bahasa baku.

Kemahiran Mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti dan memahami perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan seperti soal jawab, perbincangan, ucapan, lakonan, dan temu bual.

Kemahiran Bertutur merujuk kepada keupayaan murid menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis dan kreatif secara lisan dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan kepada penggunaan pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang sesuai.

Kemahiran Membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan ilmu dan sastera secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan.

Kemahiran Menulis merujuk kepada keupayaan murid menghasilkan pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas.

c. Hasil Pembelajaran

Hasil Pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk yang jelas tentang apa yang harus dicapai oleh murid. Oleh itu, hasil pembelajaran memerlukan pendekatan yang berfokus pada strategi bilik darjah yang paling berkesan agar murid menguasai hasil tersebut. Justeru, hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Selain itu, hasil pembelajaran juga membantu dalam membuat pengukuran dan penilaian pencapaian murid.

Terdapat dua hasil pembelajaran dalam kurikulum Bahasa Melayu, iaitu Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus. Hasil pembelajaran utama dapat dicapai dengan menguasai hasil pembelajaran khusus.

d. Sistem Bahasa

Sistem Bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, kosa kata, peribahasa, ejaan, dan sebutan dan intonasi. Aspek tatabahasa merangkumi morfologi dan sintaksis manakala aspek kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah.

e. Komponen Kesusasteraan Melayu

Komponen Kesusasteraan Melayu diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu merangkumi genre novel, cerpen, prosa tradisional, drama, puisi baru dan puisi tradisional. Melalui komponen ini diharapkan minat membaca, keseronokan membaca, dan penghayatan terhadap bahan sastera dapat dipupuk.

f. Pengisian Kurikulum

Pengisian Kurikulum terdiri daripada elemen yang mencantumkan teras utama dalam kehidupan masyarakat Malaysia dan perkembangan terkini dalam pendidikan, iaitu ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual. Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh murid dalam dunia pekerjaan. Di samping itu, pendidikan nilai, kewarganegaraan, dan patriotisme diberikan penekanan selaras dengan matlamat negara membangunkan masyarakat madani.

PENERANGAN TENTANG HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Empat dipersembahkan dalam tiga lajur. Lajur pertama ialah pernyataan Hasil Pembelajaran seperti yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran. Lajur kedua ialah Huraian Hasil Pembelajaran, dan Lajur ketiga ialah Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan.

Hasil Pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu memberikan tumpuan pada murid untuk menguasai hasil pembelajaran. Hasil Pembelajaran ini terdiri daripada:

- **Hasil Pembelajaran Utama**

Hasil Pembelajaran Utama ialah pernyataan kecekapan berbahasa yang ditafsirkan daripada Objektif Kurikulum Bahasa Melayu. Pernyataan kecekapan berbahasa ini merangkumi bidang interpersonal, maklumat, dan estetik.

- **Hasil Pembelajaran Khusus**

Hasil Pembelajaran Khusus ialah perincian kecekapan berbahasa bagi Hasil Pembelajaran Utama. Kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis terangkum dalam pernyataan Hasil Pembelajaran Khusus. Hasil Pembelajaran Khusus disusun dari peringkat mudah ke peringkat yang lebih sukar, dan harus dikuasai oleh murid bagi setiap tingkatan.

Setiap bidang Penggunaan Bahasa mempunyai sejumlah Hasil Pembelajaran Utama, manakala setiap Hasil Pembelajaran Utama terbina daripada sejumlah Hasil Pembelajaran Khusus tertentu yang perlu dikuasai oleh murid. Penomboran hasil pembelajaran mengikut bidang Penggunaan Bahasa adalah seperti yang berikut:

Penggunaan Bahasa	Hasil Pembelajaran Utama	Hasil Pembelajaran Khusus
Interpersonal	1.0	1.1, 1.2, 1.3, 1.4, 1.5 dan 1.6
	2.0	2.1, 2.2, 2.3, 2.4, dan 2.5
	3.0	3.1, 3.2, 3.3, dan 3.4
	4.0	4.1 dan 4.2
	5.0	5.1, 5.2, dan 5.3
	6.0	6.1, 6.2, dan 6.3
Maklumat	7.0	7.1, 7.2, 7.3, 7.4, 7.5, 7.6, dan 7.7
	8.0	8.1, 8.2, 8.3, 8.4, 8.5, 8.6, 8.7, dan 8.8
	9.0	9.1, 9.2, 9.3, dan 9.4
Estetik	10.0	10.1 10.2 10.3 10.4 10.5 dan 10.6
	11.0	11.1, 11.2, dan 11.3
	12.0	12.1, 12.2, 12.3, 12.4, 12.5, dan 12.6

Huraian Hasil Pembelajaran

Huraian Hasil Pembelajaran dalam lajur 2 menyatakan secara jelas aras kemahiran yang perlu dicapai oleh murid mengikut tahap keupayaan dan kemajuan mereka sama ada pada Aras 1, Aras 2, atau Aras 3. Pernyataan Aras 1 hingga Aras 3 dalam Huraian Hasil Pembelajaran ialah perincian bagi Hasil Pembelajaran Khusus. Pemeringkatan berdasarkan aras ini sejajar dengan pembelajaran masteri dan membolehkan murid yang cemerlang terus maju tanpa mengabaikan murid yang berprestasi rendah. Aras 1 ialah aras paling asas yang harus dicapai oleh semua murid. Kandungan kurikulum bagi aras ini adalah yang paling minimum yang harus dikuasai oleh semua murid tingkatan empat. Aras 2 ialah aras bagi murid yang berprestasi sederhana manakala Aras 3 ialah aras paling tinggi bagi murid yang berprestasi cemerlang.

Apabila seseorang yang murid berupaya mencapai Aras 1, maka mereka boleh meneruskan pembelajaran ke Aras 2 dan seterusnya ke Aras 3. Sekiranya seseorang murid masih tidak berupaya mencapai Aras 1, maka guru hendaklah melatih dan membimbing murid tersebut sehingga mereka menguasai aras tersebut sepenuhnya. Dalam hal ini, penilaian terhadap pencapaian murid bagi setiap aras perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti sama ada murid perlu dibimbing lagi atau boleh beralih ke pelajaran seterusnya.

Cadangan Aktiviti / Sumber/Catatan

Cadangan Aktiviti / Sumber/ Catatan mengandungi cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta bahan bantu belajar di bilik darjah. Cadangan tersebut disesuaikan dengan Huraian Hasil Pembelajaran serta mengambil kira elemen yang terkandung dalam pengisian kurikulum, contohnya kemahiran meramal dan membuat pilihan menggunakan kajian masa depan dan jenis kecerdasan pelbagai yang unik bagi seseorang murid. Semua cadangan ini hanyalah sebagai panduan untuk guru. Guru boleh

mengubah suai atau memilih teknik atau aktiviti lain yang sesuai dengan kebolehan murid.

Contoh Pemaparan Huraian Sukatan Pelajaran

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber/Catatan
	<p>▶ 2.0 Memberikan pendapat yang bernas sebagai sumbangan dalam perbincangan</p> <p>▶ 2.1 Mencetuskan idea bernas semasa memberikan pendapat dalam perbincangan.</p> <p>2.2 Menghuraikan idea bernas secara kritis dan rapi.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. ▶ Menghubungkan topik dengan pengalaman dan pemerhatian untuk mengemukakan idea yang bernas.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang tentang sesuatu perkara secara berpasangan. Pelajar mengaitkan pengalaman dan pemerhatian sendiri untuk menyokong pandangan misalnya tentang kesan suntikan hormon bagi mempercepat tumbesaran haiwan. <p>Nota : Contoh pernyataan bagi ▶ mengaitkan topik dengan pengalaman: "Saya pernah menghadapi situasi seperti ini dan..."</p>
	Hasil Pembelajaran Utama	Pernyataan aras pembelajaran yang dicapai melalui kemahiran berbahasa	Nota untuk guru
	Hasil Pembelajaran Khusus		Cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa. Pendekatan berpusatkan murid selari dengan pembelajaran masteri yang menekankan keperluan memastikan murid menguasai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Melalui pembelajaran masteri murid diberi peluang untuk maju mengikut kadar keupayaan mereka sendiri. Dalam hal ini aktiviti penilaian, pemulihan, dan pengayaan perlu dijadikan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran.

Kepelbagaian Teknik

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah menengah menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah mengajar. Guru boleh memilih pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Kaedah dan teknik perbincangan, simulasi, projek, dan inkuri berasaskan pembelajaran kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, konstruktivisme dan kontekstual umpamanya, meningkatkan minat murid terhadap pelajaran. Keberkesanan pengajaran bergantung pada pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu dan teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif, berkomunikasi dan berinteraksi.

Kepelbagaian Sumber Bahan

Penggunaan perpustakaan, pusat sumber dan komputer sangatlah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bahan-bahan sumber seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, interne, perisian kursus serta bahan sastera dan bukan sastera hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan juga untuk bacaan luas.

Penggunaan Tatabahasa yang Tepat

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah menengah menekankan penggunaan tatabahasa mengikut kemampuan murid. Untuk mencapai tujuan tersebut, guru perlu merancang dan memilih aspek tatabahasa yang hendak diajarkan berserta contoh penggunaannya dalam pelbagai konteks dan kegiatan bahasa yang bermakna sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Bacaan Luas

Bacaan luas memberikan peluang kepada murid untuk menimba ilmu pengetahuan dan membentuk sahsiah yang baik bagi meningkatkan daya berfikir dan minat ingin terus membaca. Bacaan luas boleh dijalankan dalam pendidikan Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan-bahan ilmiah dan sastera. Pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan secara serapan.

Penggabungjalinan

Penggabungjalinan memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Penggabungjalinan berlaku antara hasil pembelajaran daripada bidang penggunaan bahasa, serta antara kemahiran berbahasa dengan tatabahasa, kosa kata, dan peribahasa. Penggabungjalinan unsur-unsur tertentu diuraikan seperti yang berikut :

- i. Kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis boleh digabungkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sekurang-kurangnya antara dua kemahiran. Kemahiran bahasa dinyatakan dalam lajur huraian hasil pembelajaran. Aktiviti bahasa boleh dijalankan dengan menggunakan

kemahiran bahasa untuk mencapai Hasil Pembelajaran Khusus dan Hasil Pembelajaran Utama.

- ii. Tatabahasa boleh digabungkan secara terancang dalam konteks dengan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis.
- iii. Kosa kata dan peribahasa yang hendak diajarkan harus digabungkan secara terancang dengan kemahiran mendengar dan bertutur dalam aktiviti lakonan atau perbahasan misalnya, membaca teks yang mengandungi kosa kata sama ada kata umum istilah serta peribahasa, dan menggunakannya dengan betul di mana-mana yang sesuai dalam pertuturan dan penulisan.
- iv. Hasil pembelajaran khusus dalam bidang atau antara bidang boleh digabungkan semasa pengajaran dan pembelajaran.

Penyerapan

Penyerapan ialah proses menerapkan pelbagai bidang ilmu, nilai murni, dan kemahiran bernilai tambah yang dipelajari semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Penyerapan unsur-unsur tertentu dihuraikan seperti yang berikut:

- i. Isi pelajaran Bahasa Melayu menerapkan pelbagai bidang ilmu serta pelbagai tema yang mencakup hal-hal persendirian dan kemasyarakatan.
- ii. Semangat kewarganegaraan dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berlandaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan hendaklah diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Meskipun penyerapan dilakukan secara sedar dan terancang namun murid menyerap ilmu dan nilai tersebut secara natural.

- iii. Kemahiran berfikir hendaklah diserapkan secara terancang dengan kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu ini memberikan penekanan pada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jenis Kemahiran Berfikir Dalam Bahasa

- Mencirikan
- Mengelaskan, mengumpulkan, mengkategorikan
- Membuat kaitan dan perhubungan
- Membanding dan membeza
- Menyusun atur
- Mengenal pasti kenyataan benar atau palsu
- Membezakan fakta dengan pendapat
- Menganalisis
- Mengesan kecondongan pendapat
- Mengenal pasti sebab akibat
- Meramal
- Mensistesis
- Mengitlak
- Membuat analogi
- Membuat inferens

- Membuat kesimpulan
- Menginterpretasi, mentafsir
- Mengenal pasti idea utama dan idea sokongan
- Menilai
- Menjana idea
- Merumus, meringkas
- Membuat keputusan
- Menyelesaikan masalah

Jenis kemahiran berfikir yang dinyatakan di atas bertujuan untuk membolehkan kemahiran berfikir tersebut dikuasai murid, alat berfikir seperti penyusun grafik, soalan (bertumpu, bercapah dan lingkaran soalan) serta peta minda perlu digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

- iv. Kemahiran bernilai tambah yang lain iaitu kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual juga perlu diserapkan dengan mengambil kira kesesuaiannya dengan hasil pembelajaran yang ingin dicapai, kebolehan murid, serta sumber yang ada.

Penilaian

Penilaian ialah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu hasil pembelajaran dan objektif pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, penilaian yang berterusan perlu dijalankan. Melalui penilaian yang berterusan dapat dipastikan jenis tindakan susulan yang perlu diambil terhadap seseorang murid, sama ada dalam bentuk aktiviti pemulihan atau pengayaan.

Pemulihan

Aktiviti pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai hasil pembelajaran yang belum dicapai. Aktiviti ini dilaksanakan mengikut kadar kemampuan murid.

Pengayaan

Aktiviti pengayaan perlu diberikan penekanan kerana murid berbeza tahap kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat. Murid yang menguasai hasil pembelajaran lebih awal atau dalam jangka masa yang ditetapkan diberi aktiviti yang dilaksanakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru.

SISTEM BAHASA

Sistem bahasa berfokus pada pengajaran dan pembelajaran tatabahasa, kosa kata, sebutan dan intonasi. Penerangan ringkas bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah.

- i. Tatabahasa

Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis. Namun begitu, aspek sebutan dan intonasi perlu diberi penekanan dalam kecekapan berbahasa.

- Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan fungsi dengan anggota

lain dalam golongan kata yang sama. Aspek morfologi yang diberikan tumpuan ialah:

- a. Struktur kata yang merujuk kepada pola suku kata bagi:
 - kata asli bahasa Melayu
 - kata pinjaman bahasa Melayu
- b. Bentuk kata terdiri daripada:
 - bentuk kata tunggal
 - bentuk kata terbitan
 - bentuk kata majmuk
 - bentuk kata ganda

Proses pembentukan kata bahasa Melayu meliputi:

- pengimbuhan
- penggandaan
- pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan di atas, yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari sudut bentuk dan makna, termasuk aspek baru dalam proses pengimbuhan.

- c. Golongan kata terdiri daripada :
 - kata nama
 - kata kerja
 - kata adjektif
 - kata tugas

• Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan ialah:

- a. Unsur utama ayat yang terdiri daripada kata, frasa, klusa dan pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat
 - b. Jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan
 - c. Ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif
 - d. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang.
 - e. Binaan ayat:
 - ayat dasar
 - tunggal
 - ayat terbitan atau majmuk
 - f. Proses penerbitan ayat:
 - Konsep ayat terbitan
 - Proses pengguguran
 - Proses penyusunan semula
 - Proses peluasan
 - g. Aspek tanda baca
- ii. Sistem Ejaan
Perkara yang ditekankan ialah:
 - pola keselarasan huruf vokal
 - ejaan kata pinjaman
 - ejaan kata dasar dan kata terbitan

iii. Sebutan dan Intonasi

Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah sebutan bahasa Melayu baku.

Intonasi ayat bahasa Melayu hendaklah diajarkan mengikut pola ayat yang berikut:

- ayat penyata
- ayat tanya
- ayat perintah
- ayat terbalik atau songsang
- ayat pasif

Pola intonasi bagi ayat yang panjang juga perlu diajarkan agar murid dapat menyampaikan maksud dengan jelas.

- * Buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.
- * Buku Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia Edisi Kedua ialah buku panduan ejaan yang menjadi rujukan dalam pembelajaran dan pengajaran.

iv. Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata ini adalah lanjutan daripada peringkat sekolah rendah. Penguasaan kosa kata tersebut perlu ditingkatkan dan dikembangkan selaras dengan pertambahan ilmu dalam bidang mata pelajaran peringkat sekolah menengah.

v. Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan, kata-kata hikmat dan bahasa

kiasan yang perlu diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa, kata-kata hikmat dan bahasa kiasan hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai murni masyarakat Malaysia. Penguasaan peribahasa ini merupakan lanjutan daripada penguasaan peribahasa pada peringkat sekolah rendah. Peribahasa hendaklah diajarkan dalam konteks. Buku-buku peribahasa Melayu boleh dijadikan sumber rujukan

KOMPONEN KESUSASTERAAN MELAYU

Komponen kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu meliputi karya sastera yang berbentuk novel, cerpen, sajak, drama, cerita klasik, dan puisi lama iaitu pantun, syair, gurindam, seloka dan bahasa berirama. Novel dan antologi sastera yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan hendaklah digunakan.

- * Senarai karya komponen kesusasteraan Melayu dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000 bertarikh 23 Februari 2000. Senarai karya mungkin akan bertukar dari masa ke masa.

PENGISIAN KURIKULUM

Terdapat beberapa elemen dalam pengisian kurikulum, iaitu ilmu daripada pelbagai bidang ilmu dan disiplin, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual. Semua elemen ini diajarkan dalam konteks bagi ketiga-tiga bidang yang terdapat dalam Penggunaan Bahasa. Penerangan ringkas bagi setiap pengisian ini diberikan di bawah.

a. Ilmu

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu bidang sains dan geografi yang boleh digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Pengetahuan juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

b. Nilai

Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai masyarakat Malaysia harus diterapkan dengan terancang sama ada secara langsung atau tidak langsung dan dilanjutkan di peringkat antarabangsa selaras dengan keperluan globalisasi.

Nilai murni ini ialah:

- Baik hati
- Kerajinan
- Keadilan
- Kejujuran
- Rasional
- Kesyukuran
- Kerjasama
- Hemah tinggi
- Kesederhanaan
- Kebebasan
- Kebersihan fizikal dan mental
- Keberanian
- Keyakinan
- Berdikari
- Tanggungjawab
- Patriotik
- Kasih sayang
- Menghargai
- Hormat-menghormati
- Ketekunan
- Semangat kemasyarakatan

c. Kewarganegaraan

Unsur patriotisme dan kewarganegaraan yang diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran memberikan penekanan pada pemupukan semangat cinta dan taat kepada tanah air. Di samping itu, pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen terhadap bangsa dan negara.

d. Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam pembelajaran Bahasa Melayu meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa, dan peribahasa. Peraturan ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

e. Kemahiran Bernilai Tambah

Kemahiran bernilai tambah mengutamakan pengalaman di bilik darjah sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia yang global.

Sehubungan dengan itu, kurikulum Bahasa Melayu menyepadukan kemahiran lain agar memenuhi keperluan semasa pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual. Penjelasannya adalah seperti yang berikut:

- i. Kemahiran berfikir
Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.
- ii. Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka boleh menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian, dan memperoleh maklumat yang terdapat dalam Internet.
- iii. Kemahiran Belajar Cara Belajar
Kemahiran belajar cara belajar ialah penguasaan teknik belajar cara belajar. Kemahiran ini dapat menanam sikap dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid dapat mengemaskinikan pengetahuan dan cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah.
- iv. Kajian Masa Depan
Kajian masa depan ialah satu pendekatan pembelajaran bagi membolehkan murid menyedari sesuatu isu atau permasalahan yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya murid dapat manfaat yang maksimum.
- v. Kecerdasan Pelbagai
Kecerdasan pelbagai merangkumi verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.
- vi. Pembelajaran Konstruktivisme
Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, lebih yakin, dan lebih seronok untuk belajar sepanjang hayat.
- v. Pembelajaran Kontekstual
Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian murid, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran kontekstual disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit, serta melibatkan latihan amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baru secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

I Hasil Pembelajaran Bidang Interpersonal

Bidang Interpersonal berfokus pada keupayaan murid berkomunikasi berasaskan bahasa dengan menggunakan kata, frasa, rangkai kata, ungkapan, dan ayat yang betul dan tepat secara bertatasusila. Bidang ini juga bertujuan untuk mengekalkan hubungan dengan rakan rapat atau orang lain melalui perkongsian idea semasa berinteraksi sosial atau mengurus bagi tujuan komersial. Hasil Pembelajaran Utama yang dapat dicapai oleh murid dalam Bidang Interpersonal ialah berinteraksi, memberikan pendapat, berunding, membuat pertimbangan dan mengurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
	<p>1.0 Berinteraksi untuk menjalin dan mempererat hubungan mesra</p> <p>1.1 Berbual dan berbicara tentang perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian yang menyentuh diri, keluarga, rakan dan masyarakat dengan menggunakan kata, intonasi, dan nada yang sesuai.</p> <p>1.2 Mendengar dan memberikan respons secara lisan dan bertulis tentang sesuatu yang diperihalkan oleh orang lain.</p> <p>1.3 Menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat berdasarkan bahan yang dikemukakan dengan menggunakan kata dan ungkapan yang sesuai.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Berbual mengenai diri sendiri berkaitan dengan hal peribadi dan perkembangan diri yang terbaru.</p> <p>ii. Berbual tentang perkembangan terbaru rakan dan peristiwa semasa.</p> <p>iii. Memberikan ucapan tahniah, penghargaan, dan takziah kepada seseorang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berbual memperkenalkan diri dalam situasi tertentu. Contoh: <ul style="list-style-type: none"> - Majlis suai kenal, temu duga - Berita diri sebenar yang berlaku kepada pelajar minggu lalu (tumpuan pada peristiwa yang luar biasa). • Berbual dalam kumpulan kecil tentang berita semasa dan sensasi. Contoh: <ul style="list-style-type: none"> - Perkara yang berlaku di pekan seperti pertunjukan amal, pesta dan pameran. - Kes pencerobohan laman web parlimen. • Menulis perenggan pendek tentang perkara tersebut. • Menyediakan kad ucapan tahniah kepada rakan yang berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara. • Menuturkan kata-kata yang sesuai semasa menziarahi rakan yang sakit.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
	<p>1.4 Bersoal jawab secara bertatasusila tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai soalan.</p> <p>1.5 Berbincang dan membidas hujah dengan sopan dalam pelbagai situasi.</p> <p>1.6. Menyatakan perasaan secara berterus terang dan beradab tentang sesuatu perkara untuk mengekalkan hubungan.</p>	<p>iv. Berbual dengan orang atasan atau orang kenamaan dengan menggunakan gelaran atau panggilan yang sesuai.</p> <p>v. Berbicara dengan seseorang untuk mengambil hati, menyatakan rasa puas hati, kesal atau rasa kurang senang tentang sesuatu perkara dengan menggunakan kata, gaya pengucapan dan bahasa badan yang sesuai.</p> <p>vi. Memahami kata, ungkapan, ayat dan nada yang berbau ugutan.</p> <p><u>Aras 2</u></p> <p>i. Berbincang dengan menggunakan soalan bercapah aras tinggi dan memberikan jawapan yang tepat secara bertatasusila.</p> <p>ii. Berkongsi idea yang bernas dengan menokok tambah dan mengukuhkan idea dengan menggunakan variasi ayat yang gramatis dan jelas maksudnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan kata gelaran dan panggilan yang betul seperti Tuanku, Dato' dan Datin dalam majlis tertentu. • Melakukan simulasi majlis perasmian bangunan baru sekolah. Fikirkan pengucapan yang sesuai ketika menyambut orang kenamaan seperti raja dan menteri besar. • Melakukan aktiviti main peranan antara ketua dan pegawai bawahan tentang tugas yang memuaskan atau sebaliknya dalam suasana yang mesra. • Melakonkan karektor yang memperlihatkan riak muka dan bahasa badan. Contoh: Menunjukkan perasaan suka akan seseorang atau kurang gemar tentang sesuatu yang dilakukan oleh seseorang. • Memberikan respons yang sesuai kepada pernyataan/dialog yang berunsur ugutan. • Pelajar menggunakan soalan bercapah aras tinggi tentang sesuatu perkara sosial dalam perbualan. Contoh: Bagaimana, sejauh mana, dan apa pendapat anda. • Berbincang dengan rakan menggunakan ungkapan dan ayat yang jelas. Contoh: Hal kekeluargaan, kerjaya dan rancangan masa depan.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p>iii. Menelah perkara yang disukai oleh rakan yang baru dikenali dengan mengemukakan soalan yang sesuai untuk melanjutkan perbualan.</p> <p>iv. Memulakan, meneruskan dan menamatkan perbualan.</p> <p>v. Memahami dan memberikan reaksi positif terhadap pernyataan yang bersifat ugutan.</p> <p>vi. Menyatakan teguran serta memberikan penjelasan dengan menggunakan tutur kata yang beralas.</p> <p>vii. Mengemukakan bukti dan alasan yang kukuh untuk membidas hujah dengan memelihara kesantunan berbahasa.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang dengan pelawat yang datang melawat sekolah tentang sejarah sekolah dan pencapaian dalam bidang akademik dan kokurikulum. • Mencungkil pendapat rakan dengan menggunakan soalan bercapah yang sesuai . Contoh: Pada pendapat awak, adakah negara kita masih kekurangan pakar IT? • Menulis surat kepada rakan tentang isu semasa seperti gejala negatif yang boleh menjejaskan masa depan generasi muda. • Pelajar diajar kemahiran memulakan, meneruskan dan menamatkan perbualan secara bertatasusila terutama dengan orang yang tidak dikenali atau orang atasan. • Murid berbincang dalam kumpulan untuk menggariskan kata-kata yang sesuai untuk menangani ugutan tersebut. • Menjalankan aktiviti komunikasi lisan atau bertulis untuk memberikan teguran kepada rakan tentang sesuatu perkara. Contoh: Rakan yang tidak mengamalkan pengambilan makanan yang seimbang. • Memberikan komen secara spontan terhadap pendapat yang dirasakan berat sebelah bagi tujuan memantapkan hujah dan alasan.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p><u>Aras 3</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menentukan gaya pengucapan dan unsur paralinguistik yang sesuai ketika berinteraksi dalam majlis rasmi. ii. Menggunakan ragam bahasa halus dalam perbualan dalam situasi formal atau yang melibatkan orang yang tidak dikenali. iii. Menyangkal pandangan dengan mengemukakan bukti dan alasan yang kukuh dengan memelihara kesantunan berbahasa. iv. Meneruskan perbualan dengan mencungkil pendirian dan hasrat seseorang secara bertatasusila. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menonton video dan memerhatikan nada suara, mimik muka, dan gerak tangan penutur/watak untuk memahami sikap dan pendiriannya. • Menggunakan pernyataan yang halus dan bersopan dalam situasi formal atau situasi yang melibatkan orang yang tidak dikenali. Contoh: “ kalau tidak keberatan, sudilah... “ • Memberikan komen secara santun dengan mengutarakan bukti yang munasabah. Contoh: “Pandangan anda ada benarnya, namun jika ditinjau dari aspek ekonomi...” • Mencungkil minat rakan dengan mengutarakan soalan langsung atau tidak langsung. Contoh: Pasukan bola sepak yang diminati atau trend mewarnakan rambut.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
	<p>2.0 Memberikan pendapat yang bernas sebagai sumbangan dalam perbincangan.</p> <p>2.3 Mencetuskan idea bernas semasa memberikan pendapat dalam perbincangan.</p> <p>2.4 Menghuraikan idea bernas secara kritis dan rapi.</p> <p>2.5 Memperkuat hujah dengan menggunakan contoh dan bukti.</p> <p>2.6 Mengemukakan cadangan yang membina untuk mencapai tujuan perbincangan.</p> <p>2.7 Memberikan penjelasan secara spontan tentang sesuatu perkara terhadap isu yang dikemukakan.</p>	<p><u>Aras 1</u></p> <p>ii. Menghubungkan topik dengan pengalaman dan pemerhatian untuk mengemukakan idea yang bernas.</p> <p>iii. Menjelaskan idea secara deduktif.</p> <p>iv. Mendengar pendapat yang dikemukakan untuk memberikan respons yang sesuai.</p> <p>v. Memberikan keterangan dengan serta-merta tentang sesuatu perkara.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang tentang sesuatu perkara secara berpasangan. Pelajar mengaitkan pengalaman dan pemerhatian sendiri untuk menyokong pandangan misalnya tentang kesan suntikan hormon bagi mempercepat tumbesaran haiwan. <p>Nota : Contoh pernyataan bagi mengaitkan topik dengan pengalaman: "Saya pernah menghadapi situasi seperti ini dan..."</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sesuatu idea dijelaskan langkah demi langkah dengan mengaitkannya dengan pengalaman, iaitu mengemukakan idea utama, dan disusuli ayat huraian dan ayat contoh berdasarkan topik di atas. • Pelajar melanjutkan pandangannya seperti memberikan akibat, tujuan atau sebab-musabab. Contoh: Suntikan hormon kepada ayam boleh mengakibatkan kesan sampingan kepada pengguna. • Pelajar mengetahui cara dan tempat yang sesuai untuk mencelah pendapatnya dengan sopan serta peka terhadap kiu-kiu dalam perbincangan/perbualan. Adakan simulasi untuk tujuan ini. • Menulis isi dan pandangan yang telah dibangkitkan dalam perbincangan.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p><u>Aras 2</u></p> <p>i. Menjelaskan idea secara induktif.</p> <p>ii. Menyokong hujah dengan mengemukakan contoh dan bukti daripada pelbagai sumber rujukan.</p> <p>iii. Memberikan cadangan yang bernas untuk mencapai tujuan perbincangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan dan menulis tentang kesan kajian genetik kepada penghasilan makanan dengan mengaitkannya dengan pengalaman dan pemerhatian iaitu mengutarakan ayat-ayat huraian dahulu dan disudahi ayat topik. • Memetik data statistik atau pernyataan oleh tokoh yang berwibawa yang relevan untuk menyokong hujah berdasarkan topik yang ditentukan. Contoh: Kajian WHO menunjukkan bahawa teknik pengklonan telah meningkatkan pengeluaran makanan. • Menyediakan draf cadangan untuk dikemukakan kepada ahli kumpulan bagi mendapatkan persetujuan dan memantapkan cadangan tersebut. Teknik PMI boleh diaplikasikan.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p><u>Aras 3</u></p> <p>i. Menghubungkan isu yang dikemukakan dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada dengan pantas.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Berbincang tentang satu isu semasa dalam kumpulan kecil dan mengaitkannya dengan pengalaman yang sesuai untuk menghasilkan jaringan maklumat yang bermakna. Contoh: Isu harga ayam, isu subjek Sains diajarkan dalam bahasa Inggeris.• Pelajar membaca isu dalam keratan akhbar sebagai rangsangan dan mencetuskan isu tersebut dalam perbincangan.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
	<p>3.0 Berunding secara santun untuk mendapat persetujuan dan kata sepakat.</p> <p>3.1 Berbincang dengan menggunakan ragam bahasa dan gaya pengucapan yang betul semasa berunding.</p> <p>3.2 Berbincang untuk menerima dan menolak pandangan orang lain secara terbuka untuk mencapai kata sepakat.</p> <p>3.3 Menyatakan pendirian yang jelas dengan mengemukakan maklumat yang relevan.</p> <p>3.4 Mempertimbangkan semua aspek yang dikemukakan dalam perundingan secara rasional untuk mencapai kata sepakat supaya diterima oleh semua pihak.</p>	<p><u>Aras 1</u></p> <p>i. Memberikan komen peribadi dengan menggunakan ragam bahasa yang tepat dalam situasi formal dan tidak formal ketika berunding.</p> <p>ii. Memberikan pendapat secara tenang dengan menggunakan intonasi, nada dan gaya pengucapan yang wajar ketika berunding.</p> <p>iii. Menerima atau menolak pandangan dengan mengemukakan hujah dan alasan supaya tidak menyinggung perasaan yang dapat diterima oleh pihak lain.</p> <p>iv. Menjelaskan cadangan untuk menyelesaikan masalah yang dibangkitkan dalam rundingan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan simulasi dan main peranan dalam satu situasi yang ditetapkan dengan menggunakan ragam bahasa yang sesuai. Contoh: Rancangan untuk mengadakan kem bahasa Inggeris pada masa cuti sekolah. • Menjalankan simulasi dan main peranan majlis dialog antara pihak sekolah dengan syarikat swasta bagi memohon bantuan pihak swasta untuk mengumpulkan barangan terbuang bagi program kitar semula. • Simulasi perundingan pelajar dengan syarikat yang memproses barangan untuk dikitar semula. • Galakkan pelajar mencari cadangan yang menghasilkan situasi 'menang-menang' bagi kedua-dua pihak sebagai jalan tengah.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p><u>Aras 2</u></p> <p>i. Menganalisis idea yang sesuai dikemukakan bagi tujuan menerima atau menolak pandangan orang lain.</p> <p>ii. Menyatakan pendirian baru dengan mengemukakan alasan yang wajar.</p> <p>iii. Menentukan pilihan dan bertanggungjawab terhadap pilihan yang dibuat dengan mengemukakan alasan yang konkrit dan contoh yang relevan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat sumbang saran dalam kumpulan bagi tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berpandukan situasi yang diberi. • Perbincangan antara Guru Penasihat dan Ketua Pengawas bagi merangka program baru untuk meningkatkan kawalan disiplin pelajar sekolah. • Perbincangan antara pelajar dengan guru kaunseling bagi memilih mata pelajaran yang bersesuaian dengan kerjaya yang ingin diceburi.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p><u>Aras 3</u></p> <p>i. Mempengerusikan rundingan dengan memperlihatkan ciri kepimpinan yang baik.</p> <p>ii. Membuat pertimbangan dan memilih alternatif terbaik berdasarkan aspek tertentu untuk menyelesaikan masalah.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Melakukan aktiviti main peranan sebagai pengerusi jawatankuasa taman perumahan untuk merancang dan mengendalikan sambutan Hari Keluarga.• Menjalankan simulasi perbincangan antara Ketua Persatuan Pengakap dengan ahli jawatankuasa untuk memutuskan pemilihan tempat perkhemahan tahunan.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
	<p>4.0 Membuat pertimbangan untuk mencapai keputusan</p> <p>4.1 Mengesan kecondongan pendapat dan menimbangkan pelbagai pilihan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.</p> <p>4.2 Menjelaskan dan membuktikan pertimbangan secara rasional dan adil untuk meyakinkan pihak yang terlibat.</p>	<p><u>Aras 1</u></p> <p>i. Menentukan kecondongan pendapat seseorang dalam menimbangkan sesuatu perkara.</p> <p>ii. Menganalisis dan menentukan pilihan berdasarkan aspek yang tertentu.</p> <p><u>Aras 2</u></p> <p>i. Membandingkan pelbagai pilihan dengan mengambil kira kekangan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Aspek kecondongan pandangan harus diambil kira kerana ini dapat menjejaskan pertimbangan dan proses membuat keputusan. • Membaca dua laporan tentang liputan insiden yang sama untuk mengesan pandangan yang berat kepada suatu pihak. • Menulis ulasan berdasarkan penyelesaian yang telah dibuat untuk memperbaiki cadangan awal. • Berbincang dalam kumpulan dan membuat kajian fisibiliti sesuatu program dari segi keutamaan, keperluan mendesak, faktor kekangan, kesan dan faedah jangka panjang. Contoh: Membuat empangan di kawasan tertentu yang menyebabkan penduduk berpindah atau pelaksanaan sekolah satu sesi.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p><u>Aras 3</u></p> <p>i. Menimbang tara manfaat jangka panjang sesuatu pilihan untuk membuat keputusan yang tepat.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Berbincang dalam kumpulan untuk membuat justifikasi sama ada menyetujui atau tidak sesuatu rancangan berdasarkan faktor faedah jangka panjang dan kesan akibatnya.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
	<p>5.0 Memujuk untuk mempengaruhi pihak lain melakukan sesuatu</p> <p>5.1 Berbicara dan merayu dengan menggunakan kata, ungkapan, dan ayat yang dapat memberikan kesan memujuk untuk mendapatkan sesuatu.</p> <p>5.2 Menggunakan hujah yang bernas dan meyakinkan untuk mempengaruhi pihak lain dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.3 Merayu dengan menggunakan strategi yang berkesan untuk memujuk pihak lain</p>	<p><u>Aras 1</u></p> <p>i. Menggunakan kata, gaya pengucapan dan bahasa badan yang sesuai untuk memberikan dorongan kepada seseorang.</p> <p>ii. Mengutarakan pandangan untuk mempengaruhi orang lain.</p> <p>iii. Menggunakan strategi memuji dan memberikan penghargaan kepada pihak yang ingin dipengaruhi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyampaikan ceramah motivasi untuk meningkatkan keyakinan diri. Contoh: Program jaya diri bagi peserta yang akan mewakili negara dalam pertandingan peringkat antarabangsa. • Membuat simulasi dialog antara majikan dan pekerja untuk meningkatkan prestasi syarikat. Kaitkan dengan slogan atau prinsip perkhidmatan cemerlang dan mengutamakan pelanggan. • Menjalankan simulasi kempen meningkatkan pelancongan di Malaysia. Masyarakat dipuji kerana keramahan mereka kepada pelancong luar. Contoh: Sikap jujur warga tempatan yang memulangkan dokumen penting pelancong asing.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p><u>Aras 2</u></p> <p>i. Menyusun dan mengemukakan hujah dan alasan yang kukuh untuk mempengaruhi seseorang.</p> <p>ii. Memujuk seseorang dengan menggunakan kaedah soalan retorik dan kata-kata dorongan untuk meningkatkan kesedaran dan keyakinan seseorang.</p> <p><u>Aras 3</u></p> <p>i. Menggunakan strategi provokasi dan pernyataan yang memeranjatkan untuk memujuk seseorang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis surat bagi ruangan pembaca untuk meningkatkan kesedaran kepada remaja tentang bahaya pil estacy berserta hujah dan alasan yang konkrit. • Mengutarakan unsur kecindan. Contoh: Tahukah anda, orang yang tidak mudah marah tidak makan tua? • Mengutarakan soalan retorik yang boleh diramal jawapannya. Contoh: “Adakah anda ingin dijajah dari segi pemikiran oleh pihak barat?”.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
	<p>6.0 Berurus dengan pihak tertentu untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.</p> <p>6.1 Menggunakan sebutan, intonasi, dan unsur paralinguistik yang sesuai untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.</p> <p>6.2 Menggunakan perkataan, ungkapan, ayat, dan laras bahasa yang sesuai untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.</p> <p>6.3 Mengambil tindakan susulan terhadap pihak tertentu yang berkaitan dengan barangan dan perkhidmatan.</p>	<p><u>Aras 1</u></p> <p>i. Berbincang dengan penjual atau pihak yang menawarkan perkhidmatan dengan menggunakan unsur paralinguistik dan bahasa badan yang sesuai.</p> <p>ii. Berurusan dengan seseorang yang tidak dikenali secara bersemuka dan melalui kaedah yang lain untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan dengan menggunakan kata, ungkapan, ayat dan laras bahasa yang sesuai.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan unsur paralinguistik seperti sebutan, nada, intonasi dan bahasa badan yang sesuai dapat melicinkan urusan dalam interaksi sosial. Contoh: Menggunakan nada suara yang rendah dan memberi senyuman ketika menawar harga barang. • Mendengar dan mengenal pasti kata, ungkapan dan ayat yang digunakan oleh pihak yang menjalankan transaksi (barangan dan perkhidmatan). • Menggalakkan pelajar menjalankan aktiviti main peranan penjual-pembeli melibatkan barangan dan perkhidmatan yang berbeza misalnya ubat-ubatan dan insurans melalui telefon. Galakkan pelajar menggunakan etiket perbualan telefon yang baik. <p>Nota :Contoh kaedah lain yang perlu dipelajari ialah urusan melalui telefon, faksimile dan e-mel.</p>

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p>iii. Memberikan maklum balas yang tepat tentang barangan dan perkhidmatan (sebagai pelanggan).</p> <p><u>Aras 2</u></p> <p>i. Memberikan penghargaan atas perkhidmatan yang cemerlang dengan menggunakan unsur paralinguistik, kata dan laras yang sesuai untuk</p> <p><u>Aras 3</u></p> <p>i. Mengemukakan aduan dan bantahan kepada pihak berkenaan tentang barangan dan perkhidmatan mengikut prosedur yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan maklum balas yang tepat tentang barangan dan perkhidmatan (sebagai pelanggan). • Menghasilkan brosur yang mengiklankan barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan dalam menghayati seni kata lagu yang bertujuan untuk promosi barangan/ perkhidmatan. • Memberikan penghargaan kepada pihak yang memberikan perkhidmatan yang cemerlang. • Melaksanakan aktiviti main peranan yang menunjukkan situasi pelanggan membuat aduan kepada pengurus syarikat tentang kegagalan memberikan khidmat selepas jualan yang dijanjikan. • Menulis laporan aduan atau bantahan tentang sesuatu barangan. Pelapor digalakkan membuat keputusan sama ada ingin terus melanggan suatu barang berdasarkan laporan tersebut.

II. Hasil Pembelajaran Bidang Maklumat

Bidang Maklumat berfokus pada keupayaan murid memperoleh dan menyampaikan pelbagai pengetahuan dalam bidang ilmu. Pemerolehan maklumat didapati melalui aktiviti mendengar, berbual, membaca, serta mengakses maklumat daripada multimedia. Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus yang dapat dicapai oleh murid dalam Bidang Maklumat ialah mendapat, memproses, dan menyampaikan maklumat.

T 4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
	<p>7.0 Mendapat maklumat daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton</p> <p>7.1 Mengenal pasti dan menyatakan gambaran keseluruhan, idea utama dan isi penting, dan isi relevan tentang bahan yang didengar, dibaca, dan ditonton.</p> <p>7.2 Memahami dan menyatakan maksud perkataan sukar berdasarkan konteks.</p> <p>7.3 Mengemukakan soalan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.</p> <p>7.4 Membaca pantas secara imbasan dan luncuran untuk membuat rujukan pelbagai bahan bercetak dan bahan elektronik.</p>	<p><u>Aras 1</u></p> <p>i. Mendengar dan mengemukakan persoalan pokok, isi penting dan kurang penting dalam pelbagai bahan.</p> <p>ii. Memahami dan menyatakan makna perkataan dan rangkaian kata berdasarkan konteks.</p> <p>iii. Membina dan mengajukan soalan bercapah aras rendah dan tinggi untuk mendapat penjelasan lanjut.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat peta minda untuk menjelaskan isi penting. Suatu cara yang berkesan ialah dengan menggariskan kata kunci dalam maklumat / teks sebelum melakarkan peta minda. • Meneka makna perkataan dan rangkaian kata dalam petikan menggunakan petunjuk konteks seperti imbuhan, penanda wacana, asosiasi kata dan perkaitan logik suatu idea. Contoh: pra bererti sebelum; prasekolah bererti sebelum memasuki sekolah; prasejarah? • Menyediakan soalan menggunakan teknik temu ramah dan menjalankan temu ramah sebenar di luar sekolah seperti menemu ramah warga tua di rumah orang tua.

T 4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
	<p>iv. Mengenal pasti laras yang digunakan dalam teks.</p> <p><u>Aras 2</u></p> <p>i. Membaca pantas secara luncuran dan imbasan untuk menghubungkan idea.</p> <p>ii. Menganalisis maksud tersirat untuk membuat memahami perkara dan isu yang diperkatakan.</p> <p>iii. Membandingkan pernyataan fakta dan pandangan untuk mendapatkan maklumat yang tepat tentang sesuatu perkara dan isu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk kepada kamus dan kamus istilah untuk mencari makna kata dan istilah sains dan teknikal. Contoh: pengoksidan, ujian DNA. • Membaca secara imbasan dan luncuran (skimming) sebuah perenggan dalam waktu tertentu untuk mengenal pasti isi penting dan mengaitkan idea seperti fakta lain yang relevan atau fakta dari aspek yang lain (punca, kesan dan langkah mengatasi). • Membincangkan teks dan memberikan maksud tersirat (rangkai kata, perenggan atau teks) misalnya dari sudut sosiobudaya. Contoh: "...runtuh budi runtuhlah bangsa." - kelangsungan sesuatu bangsa akan musnah jika bangsa itu tidak mempertahankan budi dan akhlak. • Melengkapkan borang pengurusan grafik untuk mengasingkan pernyataan fakta dan pandangan. • Merujuk kamus dan kamus istilah untuk mencari makna perkataan dan istilah daripada petikan rencana sains. • Menulis perenggan berdasarkan laras yang tertentu seperti laras agama/doa. • Menulis pandangan dan penafsiran berdasarkan fakta tertentu. 	

T 4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p><u>Aras 3</u></p> <p>i. Menganalisis dan menjelaskan makna diksi, istilah dan ayat dalam teks pelbagai laras.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Menonton rakaman video ceramah atau forum untuk menganalisis laras berdasarkan kesesuaian penggunaan diksi, istilah dan ayat dalam rakaman tersebut. Contoh: laras dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.• Mengalihkan teks yang menggunakan laras undang-undang kepada teks yang menggunakan ragam bahasa yang umum.

T 4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
	<p>8.0 Memproses maklumat untuk keperluan tertentu</p> <p>8.1 Menyaring maklumat mengikut klasifikasi.</p> <p>8.2 Menyusun maklumat mengikut keutamaan.</p> <p>8.3 Membuat pertimbangan secara teliti terhadap maklumat yang telah disusun.</p> <p>8.4 Mengolah maklumat secara koheren untuk tujuan tertentu.</p> <p>8.5 Mentafsirkan maklumat yang telah dipilih secara rasional untuk membuat inferens.</p> <p>8.6 Menyemak semula maklumat dan memutuskan sama ada hendak menerima, menambah, atau menolak pilihan.</p>	<p><u>Aras 1</u></p> <p>i. Meneliti kesesuaian dan kemunasabahan maklumat sama ada teks atau grafik dengan tugas.</p> <p>ii. Menyusun maklumat berdasarkan kriteria tertentu.</p> <p>iii. Mengenal pasti idea utama dan idea sokongan dalam maklumat .</p> <p>iv. Menaakul fakta dan pandangan dalam maklumat untuk mengesan kecondongan kepada suatu pihak.</p> <p>v. Menyusun semula idea mengikut urutan yang logik dan mengemukakan rasionalnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tugas berupa projek dapat melatih pelajar mengaplikasikan semua langkah dalam memproses maklumat. Contoh: Berdasarkan topik tugas, “Langkah memajukan sektor pertanian” rujuk kepada 3 buah buku, 2 buah jurnal dan sebuah artikel daripada Internet yang relevan, salin dan kumpulkan maklumat yang diperlukan. • Susunan isi boleh juga berasaskan kriteria paling penting kepada kurang penting, segera kepada kurang segera dan mengikut hierarki matlamat. <p>Nota: Idea utama tidak semestinya dinyatakan pada baris awal dalam sesuatu perenggan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Galakkan pelajar kritis terhadap maklumat dan tidak terpengaruh kepada pernyataan yang berat kepada suatu pihak. Contoh: Pandangan yang condong kepada jantina, ras atau fahaman yang tertentu.

T 4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
	<p>8.7 Menilai secara keseluruhan sesuatu maklumat dengan memberikan alasan yang kukuh.</p> <p>8.8 Membuat rumusan dengan alasan yang munasabah.</p>	<p>vi. Menyatakan semula idea dengan pernyataan yang berbeza atau dengan perkataan sendiri untuk membuat kesimpulan awal yang munasabah.</p> <p>vii. Membaca secara teliti dan mengubah suai maklumat (ditambah, dibuang atau digabungkan) berdasarkan fakta dan respons baru yang diterima.</p> <p>viii. Mengemukakan pernyataan berdasarkan hipotesis dan premis yang dibuat untuk membuat kesimpulan.</p> <p><u>Aras 2</u></p> <p>i. Menyusun isi dan idea yang terdapat dalam maklumat dengan sistematik berdasarkan kriteria tertentu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang dalam kumpulan untuk meninjau semula pertautan idea/maklumat. Contoh: Memudahkan dan membuat ringkasan teks yang agak sukar atau teknikal sifatnya. • Untuk tujuan ini , teknik 3R boleh digunakan: R (read) - membaca R (recite) - melafazkan maklumat utama R (review) - membaca semula maklumat. • Membuat ringkasan berdasarkan maklumat yang relevan. • Berdasarkan tugas yang ditetapkan, bandingkan susunan maklumat mengikut kriteria antara kumpulan • Membaca secara imbasan pelbagai sumber seperti teks berunsur sejarah, pengembaraan, biografi, autobiografi dan cereka untuk menyusur maklumat mengikut urutan peristiwa.

T 4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p><u>Aras 3</u></p> <p>i. Menyimpulkan maklumat dengan mengemukakan fakta, bukti dan dengan alasan yang wajar.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Perbincangan secara kumpulan untuk menyemak semula hasilan (folio, risalah dan buku kecil) berdasarkan senarai semak. Galakkan pelajar menyoal balas maklumat.• Mengemukakan rumusan tentang kekuatan hasilan dengan memberikan alasan yang konkrit.

T 4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
	<p>9.0 Menyampaikan maklumat untuk tujuan tertentu</p> <p>9.1 Menggunakan kata, istilah, frasa, rangkai kata, peribahasa, dan ayat yang tepat serta indah untuk menyampaikan maklumat secara tersusun dan kohesif.</p> <p>9.2 Menentukan format penyampaian dan jenis penulisan yang sesuai untuk menyampaikan maklumat.</p> <p>9.3 Menyediakan kerangka penyampaian dan bahan edaran untuk membuat pembentangan.</p> <p>9.4 Menyediakan hujah dan alasan serta menyampaikan maklumat untuk sesuatu pembentangan.</p>	<p><u>Aras 1</u></p> <p>i. Menentukan kata, istilah, frasa, rangkai kata, pepatah dan pelbagai ragam ayat yang sesuai untuk menyampaikan maklumat.</p> <p>ii. Meneliti dan membuat perancangan sebelum penyampaian.</p> <p>iii. Menukarkan teks kepsada bentuk grafik dan sebaliknya bagi memudahkan penyampaian.</p> <p>iv. Mengemukakan format penyampaian lisan dalam bentuk perbahasan, forum, laporan dan ulasan.</p> <p>v. Menyampaikan maklumat melalui perbahasan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membincangkan penggunaan kata, istilah, frasa, rangkai kata, pepatah dan ragam ayat dalam kumpulan berdasarkan petikan yang dibaca dan yang didengar. • Mencipta dan menyebut kata, madah, ungkapan dan ayat yang indah. Contoh: Mengorak langkah; Tamu yang tidak kunjung tiba. • Berbincang dalam kumpulan tentang aspek prapersembahan seperti tujuan persembahan, latar belakang, khalayak, jangka masa dan tempat untuk menjalankan perbahasan, forum dan wawancara. • Menukarkan teks yang dibaca dalam bentuk grafik yang sesuai dan menarik dan menghuraikan semula grafik secara lisan. • Galakkan pelajar menggunakan gabungan teks dan bahan grafik yang sesuai dalam penyampaian.

T 4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p><u>Aras 2</u></p> <p>i. Menggunakan kata, istilah dan laras yang tepat bagi penyampaian yang lebih mencabar.</p> <p>ii. Menyusun atur kerangka penyampaian perbincangan, forum, laporan dan ulasan dalam bentuk grafik, dan menyediakan bahan edaran.</p> <p>iii. Menggunakan kemahiran memulakan, melahirkan idea dan menutup penyampaian dengan berkesan.</p> <p>iv. Mengenal pasti dan mengaplikasikan unsur yang menjadikan persembahan yang lebih menarik dan berkesan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis teks perbincangan, forum, laporan dan ulasan dengan menggunakan kata, istilah, frasa, rangkai kata, pepatah dan ayat pelbagai ragam serta format yang betul. • Berbincang untuk menyemak semula format penulisan perbincangan, forum, laporan dan ulasan. • Menyampaikan taklimat untuk menerangkan reka cipta yang terbaru dengan mempelbagaikan medium. Contoh: persembahan multimedia Power Point. • Mencatat kerangka penyampaian perbincangan, forum, laporan dan ulasan. • Mendengar rakaman atau penerangan dan membandingkan gaya bahasa, laras bahasa dan tatacara penyampaian dalam perbincangan, forum, laporan dan ulasan.

T 4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Sumber / Catatan
		<p><u>Aras 3</u></p> <p>i. Mengemukakan hujah dan alasan yang kukuh daripada dapatan kajian yang diperakukan dan gaya yang berkesan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penyampai bijak menggunakan pernyataan fakta dan pandangan yang memberangsangkan, provokatif, dan yang memeranjatkan, dan soalan yang menimbulkan rasa ingin tahu. • Berbincang untuk mengumpul hujah dan alasan yang mantap daripada dapatan kajian yang diperakukan bagi tujuan pertandingan forum dan perbahasan. • Merumuskan kekuatan dan kelemahan hujah dan alasan yang dikemukakan dalam persembahan yang lebih mencabar seperti seminar, kolokium dan persidangan parlimen.

III. Hasil Pembelajaran Bidang Estetik

Bidang Estetik berfokus pada keupayaan murid menguasai aspek kebahasaan, keindahan, dan kehalusan bahasa. Bidang Estetik juga mementingkan penikmatan hasil karya yang indah, pelahiran perasaan, serta membuat apresiasi, dan penghayatan. Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus yang perlu dicapai oleh murid dalam Bidang Estetik ialah memahami, menguasai, dan menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti
	<p>10.0 Memahami dan memberikan respons peribadi tentang karya sastera</p> <p>10.1 Menceritakan semula sesebuah karya secara keseluruhan.</p> <p>10.2 Mengenal pasti perkara yang menarik dalam sesebuah karya.</p> <p>10.3 Menyatakan bentuk dan nada puisi.</p> <p>10.4 Menyatakan jenis, ciri, tema dan persoalan, pemikiran, nilai, dan pengajaran.</p> <p>10.5 Menghuraikan maksud, gaya bahasa dan unsur bunyi dalam puisi.</p> <p>10.6 Mengulas karya sastera dari aspek watak dan perwatakan, latar, plot, gaya bahasa dan sudut pandangan.</p>	<p><u>Aras 1</u></p> <p>i. Menyatakan makna kata dan maksud frasa atau rangkai kata yang sukar dalam karya dengan meneka berdasarkan konteks atau merujuk kepada kamus.</p> <p>ii. Menyatakan semula cerita dan maksud puisi menggunakan perkataan sendiri.</p> <p>iii. Menulis sinopsis.</p>	<p>Nota: Puisi atau karya akan lebih mudah dihayati pelajar jika maksud kata dan rangkai kata diketahui.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berbincang tentang idea-idea utama dan menarik dalam karya. Galakkan pelajar memetik dan menyebut semula bahagian-bahagian yang menarik dalam karya. • Melagukan puisi dengan atau tanpa muzik. Aktiviti ini dapat mengasah kecerdasan muzik dan kinestetik pelajar. • Membaca dan meneliti contoh-contoh sinopsis umpamanya dalam ulasan buku/filem.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti
		<p>iv. Menganalisis perkara yang menarik dalam karya.</p> <p>v. Menjelaskan aspek watak dan perwatakan, latar, plot, gaya bahasa dan sudut pandangan dalam karya.</p> <p><u>Aras 2</u></p> <p>i. Membanding beza watak dan perwatakan dan latar dalam karya yang sama atau karya yang berlainan.</p> <p>ii. Mengenal pasti sudut pandangan dan teknik yang digunakan oleh penulis.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan sinopsis yang tepat dan mengutarakan perkara yang menarik dalam karya yang dapat menimbulkan minat pembaca. • Menulis ulasan karya dengan gaya penulisan yang betul. Pelajar seharusnya mengulas sekurang-kurangnya tiga aspek sastera (tidak termasuk sinopsis) • Menjalankan aktiviti 'kerusi panas' untuk menganalisis watak dan perwatakan. Pilih seorang pelajar duduk di kerusi di hadapan kelas dan minta pelajar tersebut membayangkan dirinya sebagai watak utama dalam cerita. Pelajar yang lain akan mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan watak tersebut. • Bersoal jawab untuk menentukan sudut pandangan dalam karya dengan mengemukakan contoh yang sesuai • Melakonkan sketsa berdasarkan adegan suspen, klimaks dan kejutan yang terdapat dalam karya yang dibaca.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti
		<p>iii. Mempersembahkan cerita dalam genre yang lain.</p> <p><u>Aras 3</u></p> <p>i. Menganalisis penggunaan gaya bahasa yang lebih mencabar .</p> <p>ii. Menganalisis nilai dan pengajaran dalam karya.</p> <p>iii. Membuat ramalan tentang susulan cerita.</p> <p>iv. Menganalisis kekuatan dan kelemahan karya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis prosa dalam bentuk puisi, menghasilkan cerpen daripada drama dan mereka komik/kartun daripada cerpen. • Berbincang dan mengenal pasti unsur metafora dan paradoks dalam karya dan mencipta metafora yang bermakna dan menarik. • Menggunakan unsur metafora dan paradoks dengan tepat dan sesuai dalam perenggan atau rangkap. • Mengulas aspek nilai dan pengajaran dengan mengemukakan contoh yang sesuai dalam karya. • Menyudahkan cerita atau memberikan kesudahan cerita yang berbeza daripada yang terdapat dalam karya. • Menjalankan aktiviti ‘melariskan buku/novel/antologi’. Pelajar membuat iklan dengan menyatakan kekuatan ceritanya.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti
11.0	Menguasai gaya bahasa dan laras bahasa dalam karya penulisan kreatif .	<u>Aras 1</u>	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan kamus dan tesaurus untuk memilih kata yang lebih berkesan untuk menyediakan draf penulisan. • Mencipta unsur gaya bahasa seperti hiperbola, imejan dan unsur bunyi seperti rima, asonansi dan aliterasi. Contoh hiperbola: menggapai pelangi berdarah. Contoh aliterasi: pengulangan konsonan 'd': <u>D</u>alam <u>d</u>akapan <u>d</u>erita yang tak berkes<u>d</u>ugahan • Membaca dan mengklasifikasikan pemilihan kata, istilah dan pelbagai jenis ayat dalam kertas kerja dan esei.
11.1	Mengetahui pasti gaya bahasa dalam karya bukan sastera serta menggunakannya dalam penulisan bukan kreatif.	i. Mengubahsuaikan dan mempelbagaikan kata dan struktur ayat untuk menghasikan wacana yang lebih berkesan.	
11.2	Menganalisis gaya bahasa dan unsur bunyi dalam karya sastera serta menggunakannya dalam penulisan kreatif.	ii. Mengetahui pasti unsur keindahan dalam karya iaitu penggunaan hiperbola, imejan, rima, asonansi dan aliterasi.	
11.3	Membandingkan penggunaan laras bahasa dalam pelbagai genre.	iii. Mengkategorikan diksi, istilah dan pelbagai jenis ayat dalam karya bukan sastera.	

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti
		<p><u>Aras 2</u></p> <p>i. Memerihalkan penggunaan gaya bahasa dalam karya bukan sastera.</p> <p>ii. Mentafsirkan maksud puisi dengan membuat inferens.</p> <p>iii. Mencipta kata yang indah dan berkesan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat pertimbangan dari segi kesesuaian, ketepatan dan keindahan metafora dalam kertas kerja dan esei. Contohnya: '...arked permainan video yang semakin tumbuh seperti cendawan tumbuh selepas hujan.' • Inferens dibuat berdasarkan latar, profil penulis, penggunaan bahasa figuratif seperti metafora dan imejan. • Mencipta unsur metafora lain yang membawa maksud yang sama dalam karya. • Menganalisis slogan, kata-kata yang menarik dalam iklan dan pidato umum. • Galakkan pelajar menyalin kata, ungkapan yang baik, menarik dan berkesan yang didengar atau dibaca dalam buku catatan mereka.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti
		<p><u>Aras 3</u></p> <p>i. Membandingkan unsur bunyi dalam puisi.</p> <p>ii. Menganalisis penggunaan kata, istilah dan struktur dalam laras yang berbeza.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menghuraikan unsur aliterasi, asonansi dan rima dalam sajak. • Mencipta baris puisi yang mengandungi unsur aliterasi dan asonansi. dan rima yang kreatif dan indah. Contoh aliterasi: Malam mengimbau kenangan silam (pengulangan konsonan m) Contoh asonansi: matamu yang sayu lalu terharu (pengulangan vokal u) • Membaca teks untuk mengenal pasti laras perubatan dan teknologi. • Menukarkan teks yang menggunakan laras tertentu kepada petikan yang lebih mudah difahami.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti
	<p>12.0 Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif</p> <p>12.1 Menghasilkan prosa dan puisi secara terancang, tertib, dan kemas dengan menggunakan bahasa yang tepat, indah, dan menarik.</p> <p>12.2 Memilih isi yang bernas dan membina kerangka penulisan.</p> <p>12.3 Membina ayat topik dan ayat huraian untuk membina perenggan yang kohesif.</p> <p>12.4 Menyusun isi dan menggunakan penanda wacana untuk menghasilkan pemerenggan yang koheren.</p> <p>12.5 Membina baris puisi dengan kemas dan indah.</p> <p>12.6 Mengedit dan memurnikan sesuatu karya yang telah dihasilkan.</p>	<p><u>Aras 1</u></p> <p>i. Menentukan dan menganalisis idea dan isi yang bernas untuk menghasilkan karya prosa dan puisi.</p> <p>ii. Mengemukakan isi mengikut keutamaan dengan menggunakan penanda wacana yang tepat untuk menghasilkan pemerenggan yang utuh.</p> <p>iii. Menghuraikan isi dengan membina ayat topik, ayat huraian dan ayat contoh secara induktif dengan menggunakan bahasa yang tepat dan indah</p> <p>iv. Menggunakan diksi, simile pengulangan dan sinkof untuk menghasilkan baris sajak.</p> <p>v. Menyemak dan membuat pengeditan yang mudah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Secara berkumpulan, pelajar menyumbangarakan isi berdasarkan topik yang ditetapkan. • Membina ayat huraian berserta ayat contoh dan membandingkan hasil dengan hasil rakan. • Pelajar memahami pelbagai fungsi penanda wacana seperti memperkenalkan idea dan urutan idea, menambah isi lain, beralih kepada isi yang berlontras, menekankan hujah, menjelaskan dan menyimpulkan idea. • Menggunakan pendekatan berproses untuk menghasilkan karangan jenis cereka, gambaran, peribahasa, dan surat kiriman tidak rasmi. • Menambah unsur bahasa seperti simile, pengulangan, sinkof pada tempat yang sesuai dalam puisi yang agak prosaik untuk mengindahkannya. • Menyemak kerja rakan dan membetulkan kesalahan ejaan, tanda baca, format dan kata yang kurang tepat.

T4	Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti
		<p><u>Aras 2</u></p> <p>i. Membina ayat topik, ayat huraian, ayat contoh secara eklektik dengan menggunakan bahasa yang tepat dan indah.</p> <p>ii. Menggunakan diksi simile perulangan sinkof dan personifikasi untuk menghasilkan baris sajak.</p> <p>iii. Menukarkan ayat kabur dan kurang mantap strukturnya dalam petikan untuk menghasilkan pernyataan idea yang lebih jelas.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan Teknik Penyelesaian Masalah sebagai rangsangan untuk berhujah dan memberi alasan yang bernas. • Meneliti lirik lagu yang indah dan mengenal pasti kata, frasa, ungkapan yang tepat dan indah. • Membaca hasil karya rakan sebaya dan menyemak dan membetulkan kesalahan ayat dan wacana. <p>Nota: Galakkan pelajar menyatakan kesalahan bahasa yang dilakukan sebelum membetulkannya.</p>

T4 Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti
	<p><u>Aras 3</u></p> <p>i. Menggunakan diksi, simile dan inversi untuk membina pantun berkait.</p> <p>ii. Menulis kritikan karya kreatif.</p> <p>iii. Menghasilkan skrip drama.</p> <p>iv. Menambah penjelasan huraian bagi sesuatu isi dan mengemukakan kata, frasa dan binaan ayat yang memberikan impaks yang lebih.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Secara berkumpulan, pelajar membaca teks cerpen dan mengenal pasti isi dan pengolahan. • Menghasilkan karya berdasarkan teknik pemeraman (membuat catatan berdasarkan pengalaman dari masa ke masa dan mencatatkannya dalam karya) • Menghasilkan skrip drama sebabak moden atau purbawara secara berkumpulan. • Mengesan penggunaan bahasa informal atau slanga, ungkapan usang dan kolokasi yang salah dalam penulisan.